

U B821 AAB  
MAHATHIR - LEBUHRAYA RRR

MELAKA, 13 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENCABAR SEBUAH PARTI PEMBANGKANG SUPAYA MEMBUKTIKAN DAKWAANNYA KONON ADA PIHAK-PIHAK TERTENTU MENDAPAT KEUNTUNGAN SECARA MENIPU DALAM PEMBERIAN KONTRAK MENSWASTAKAN LEBUHRAYA UTARA-SELATAN.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN BAHAWA PEMBERIAN KONTRAK ITU MEMENUHI SECARA TELITI PROSEDUR-PROSEDUR YANG DITETAPKAN DAN TIADA SEBARANG PENIPUAN BERLAKU SEPERTI YANG DITUDUH.

BELIAU MENJELASKAN DENGAN PANJANG LEBAR BAHAWA KERAJAAN MENSWASTAKAN LEBUHRAYA ITU KERANA BELANJA PEMBINAANNYA DAN PENYENGGARAANNYA BESAR DAN KERAJAAN MENGENAKAN TOL BAGI BERLAKU ADIL TERHADAP RAKYAT YANG TIDAK MENGGUNAKAN LEBUHRAYA ITU.

KERAJAAN BOLEH MEMBINA LEBUHRAYA ITU SENDIRI DAN JUGA TIDAK MENGUTIP TOL TETAPI JIKA DEMIKIAN, TERPAKSALAH IA MENAIKKAN PELBAGAI CUKAI DAN HARGA PETROL BAGI MENAMPUNG BELANJA PEMBINAAN DAN INI TENTULAH TIDAK ADIL BAGI RAKYAT YANG TIDAK MENGGUNAKANNYA.

+TOHMAHAN KONONNYA SAYA MENDAPAT DUIT DARIPADA PENSWASTAAN LEBUHRAYA ITU ADALAH BOHONG SEMATA-MATA,+ TEGASNYA LAGI KETIKA BERUCAP MERASMIKAN LEBUHRAYA SENAWANG KE AIR KEROH DI KM 51 LEBUHRAYA ITU. -- LAGI

1238MST 13 08 87

B B828 AAB  
MAHATHIR -LEBUHRAYA 2 MELAKA RRR

LEBUHRAYA SEPANJANG 62.6 KM DAN BERHARGA \$258 JUTA ITU MERUPAKAN SEBAHAGIAN DARIPADA LEBUHRAYA UTARA-SELATAN.

SEMASA BELIAU BERUCAP, SERAMAI 40 ORANG ANGGOTA PARTI DAP YANG DIKETUAI OLEH SETIAUSAHA AGUNGNYA, ENCIK LIM KIT SIANG, BERBARIS DI TEPI LEBUHRAYA, TIDAK JAUH DARI PENTAS PERASMIAN, DENGAN MEMEGANG SEPANDUK-SEPANDUK MENGANDUNGI DAKWAAN KONONNYA ADA PENIPUAN DALAM PENSWASTAAN LEBUHRAYA ITU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BAHAWA LEBUHRAYA UTARA-SELATAN PERLU DIBINA MEMANDANGKAN SISTEM JALANRAYA YANG ADA TIDAK LAGI DAPAT MENAMPUNG LALULINTAS DAN KENDERAAN YANG LEBIH MODEN SEKARANG INI SERTA BAGI MENJAMIN SISTEM JALANRAYA YANG LEBIH CEPAT DAN SELAMAT.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENYELAR PARTI ITU KERANA BERLAGAK MAHU MENCARI KEBAIKAN UNTUK RAKYAT TETAPI SEBENARNYA MENGGUNAKAN PROJEK LEBUHRAYA ITU SEBAGAI ISU POLITIK SEMATA-MATA, AKIBAT KECEWA SELAMA 30 TAHUN BERTURUT-TURUT DALAM PILIHANRAYA UMUM UNTUK MEMERINTAH NEGARA INI.

BELIAU MENASIHATKAN MEREKA YANG MEMBANTAH PENSWASTAAN LEBUHRAYA ITU SUPAYA JANGANLAH MENJADI PENGHALANG KEPADA KEMAJUAN SEHINGGA RAKYAT TIDAK DAPAT MENIKMATI PELUANG-PELUANG KEGIATAN EKONOMI YANG TERCETUS DARIPADA PROJEK ITU. -- LAGI

1257MST 13 08 87

D591

R B836 AAB  
MAHATHIR-LEBUHRAYA 3 MELAKA RRR

DATUK SERI DR MAHATHIR MENYERU RAKYAT SUPAYA JANGAN MEMANDANG LEBUHRAYA TERSEBUT SEBAGAI SEMATA-MATA SEBATANG JALAN YANG KENA DIBAYAR TOL TETAPI SEBAGAI SATU USAHA EKONOMI YANG BOLEH MEMBAWA BANYAK NIKMAT KEPADA SEMUA.

KATANYA PEMBINAAN LEBUHRAYA ITU MEWUJUDKAN PELUANG-PELUANG PEKERJAAN, KEGIATAN-KEGIATAN EKONOMI YANG BERKAITAN DENGAN INDUSTRI PEMBINAAN JALAN SERTA MENGGALAKKAN RAKYAT BERJALAN-JALAN DAN SETIAP SEN YANG MEREKA BELANJAKAN BERERTI REZEKI KEPADA ORANG LAIN.

PERDANA MENTERI JUGA MENJELASKAN BAHAWA KERAJAAN TERPAKSA MENSWASTAKAN LEBUHRAYA ITU SEBAB HASIL KERAJAAN DARIPADA KUTIPAN CUKAI JALAN DAN PELBAGAI CUKAI BERKAITAN DENGAN KENDERAAN HANYA CUKUP UNTUK MEMBIAYAI PEMBINAAN DAN PENYENGGARAAN JALAN-JALAN DALAM BANDAR DAN JALAN-JALAN KAMPUNG.

BELIAU BERKATA LEBUHRAYA ITU DISWASTAKAN KERANA PIHAK SWASTA, YANG MAHU KEUNTUNGAN, AKAN MENTADBDIRNYA DENGAN BAIK SERTA MENGUNTUNGAN DAN RAKYAT AKAN MENDAPAT FAEDAH MELALUI CUKAI PENDAPATAN 40 PERATUS YANG DIKUTIP DARIPADA SYARIKAT YANG MENGENDALIKAN LEBUHRAYA ITU.

KATANYA RAKYAT HARUS MENGIKIS ANGGAPAN BAHAWA LEBUHRAYA DAPAT DIGUNAKAN SECARA PERCUMA, AKIBAT SUDAH BIASA TIDAK MEMBAYAR TOL SEBELUM INI, KERANA SEBENARNYA SEJAK DAHULU MEREKA MEMBAYAR MELALUI PELBAGAI CUKAI.

MEREKA YANG TIDAK MAHU MEMBAYAR TOL MASIH BOLEH MENGGUNAKAN JALAN RAYA YANG SEDIA ADA TETAPI SEBENARNYA MEREKA TERPAKSA JUGA MEMBELANJAKAN LEBIH WANG KERANA JARAK PERJALANAN LEBIH JAUH SERTA BAGI MENYENGGARA KENDERAAN, TAMBAHYA. -- BERNAMA  
1336MST 13 08 87